

Malaysia timbang sertai PSI

Um - 18/4/2007

KUALA LUMPUR 17 April - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia belum membuat keputusan untuk menjadi anggota penuh Inisiatif Proliferasi Keselamatan (PSI) yang ditaja Amerika Syarikat (AS) kerana tidak selesa dengan beberapa aspek perjanjian itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan masih mengkajinya kerana wujud beberapa aspek berkaitan perundangan yang kurang disenangi oleh Pejabat Peguam Negara.

"Saya ingin jelaskan bahawa daripada segi objektif PSI, Malaysia menyokongnya walaupun kita tidak menandatangani perjanjian ini, katanya selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Operasi dan Perundangan Tentera (MILOPS) 2007 anjuran Pemerintah Angkatan Tentera AS Bagi Rantau Pasifik (USPACOM) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal dan Duta AS di Malaysia, Christopher J. LaFleur.

PSI dilancarkan oleh Presiden AS, George W. Bush pada Mei 2003 sebagai perjanjian tidak formal antara negara-negara bagi memintas dan menyekat eksport senjata pemusnah besar-besaran (WMD) dan komponennya.

Lebih 70 negara menyokong inisiatif ini sama ada sebagai anggota atau pemerhati. Malaysia adalah negara pemerhati sejak dua tahun lalu.

Walaupun Malaysia tidak menetapkan sebarang tempoh bagi menandatangani PSI, kata Najib, negara ini telah bekerjasama penuh dengan masyarakat antarabangsa bagi mencapai matlamat perjanjian itu termasuk memenuhi permintaan untuk memintas kapal-kapal yang mencurigakan.

Mengenai langkah yang diambil Malaysia, Singapura dan Indonesia bagi mempertingkatkan rondaan di Selat Melaka, beliau berkata, sebarang idea atau inisiatif baru boleh dibincangkan pada persidangan seperti MILOPS.

"Bagi memastikan ia dapat dilaksanakan kita mesti menyelesaikan isu-isu yang dianggap sensitif dengan tumpuan utama ialah supaya Selat Melaka benar-benar selamat dan ini telah dilakukan tetapi kita berharap ia lebih selamat lagi di masa depan," katanya.

Ditanya mengenai kerjasama ketenteraan antara Malaysia dan AS, Najib berkata, ia adalah baik dan secara asasnya kedua-dua pihak boleh bekerjasama dengan rapat.

"Kedua-dua negara mempunyai matlamat yang sama walaupun mungkin berbeza dari segi pendekatan," ujarnya.